



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

05 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

BILANGAN 40 / 2024 (CPA)

PENJELASAN BERHUBUNG PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN OLEH PENGENDALI KELAB GOLF DAN LAPANGAN SASAR GOLF

1. Pada 2 Disember 2024, satu isu tular di salah satu platform media yang menyatakan bahawa perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (*Food and Beverages* - F&B) yang disediakan oleh pengendali kelab golf dan lapangan sasaran golf telah dikecualikan daripada penerapan cukai perkhidmatan.
2. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ingin menjelaskan bahawa **perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (F&B)** atau katering yang disediakan oleh pengendali kelab golf dan lapangan sasaran golf masih **tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%**.
3. Manakala produk makanan yang telah diproses dan dibungkus oleh pengilang, seperti keropok, biskut kering dan gula-gula, yang dijual oleh pengendali kelab golf atau lapangan sasaran golf adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan bermula 27 November 2024.
4. Sebarang maklumat, orang awam boleh mendapatkan garis panduan dan perundangan berkaitan di laman sesawang <https://mysst.customs.gov.my/>. Adalah diharapkan penjelasan ini dapat menyelesaikan kekeliruan orang awam berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM

IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

05 DISEMBER 2024



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100



03-8889 5884



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



@KastamMalaysia



kastam.malaysia.official



@kastammalaysiaofficial